

Buruh kontrak dipenjara 11 tahun, dua sebatan

Padah rogol adik rakan

Oleh NOR AFIQAH MAT NOR

KOTA BHARU – Perbuatan terkutuk seorang buruh kontrak yang merogol adik rakannya pada tiga tahun lalu berbalas apabila dihukum penjara 11 tahun dan dua sebatan di Mahkamah Sesyen di sini semalam.

Hakim Mohd. Yusoff Yunus menjatuhkan hukuman itu terhadap Muhammad Luqman Jusoh, 21, selepas mendapati pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah pada akhir kes pembelaan.

Mengikut pertuduhan, Muhammad Luqman didakwa merogol seorang remaja perempuan berusia 15 tahun di sebuah rumah di Kampung Binjai di sini pada pukul 3 pagi, akhir Disember 2013.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 376(1) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan

hukuman penjara maksimum 20 tahun dan boleh dikenakan sebatan jika sabit kesalahan.

Pendakwaan kes dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Siti Hajar Alias manakala tertuduh diwakili peguam Wan Mohd. Ikhrum Wan Ibrahim.

Siti Hajar memohon hukuman setimpal dikenakan terhadap tertuduh dengan mengambil kira kepentingan awam melebihi kepentingan tertuduh.

Terdahulu, peguam Wan Mohd. Ikhrum merayu supaya anak guamnya dikenakan hukuman ringan kerana sudah insaf dengan kesalahannya.

"Saya memohon tertuduh dikenakan hukuman ringan kerana ketika kejadian tertuduh adalah pesalah muda," katanya.

Hakim Mohd. Yusoff kemudian memerintahkan hukuman penjara tertuduh berkuat kuasa dari 18 Januari 2016.

Kosmo



MUHAMMAD LUQMAN (kiri) dihukum penjara 11 tahun dan dua sebatan di Mahkamah Sesyen Kota Bharu semalam selepas didapati bersalah merogol adik rakannya.